

MPK TUTUP SEMENTARA OPERASI SEHINGGA 3 FEBRUARI INI

KUANTAN, 31 JANUARI 2021 : Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) ditutup sementara sehingga 3 Februari ini selepas beberapa kakitangannya disahkan positif Covid-19.

Yang Dipertua MPK, YH. Dato' Hamdan Hussin berkata semua urusan secara fizikal ditangguhkan buat sementara waktu.

"Buat masa ini semua urusan secara fizikal ditangguhkan dan pejabat MPK juga ditutup sementara.

"Semua urusan boleh dilakukan secara atas talian dan pekerja juga diarahkan bekerja dari rumah buat masa ini," katanya ketika dihubungi Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) hari ini.

Beliau berkata sekiranya orang ramai mempunyai sebarang urusan yang tidak dapat dilakukan secara atas talian, pihaknya meminta urusan tersebut ditangguh dahulu.

"Bagi urusan penting seperti rayuan, maklumat permohonan ditolak atau urusan lain yang tidak boleh dilakukan secara atas talian, orang ramai boleh menghubungi pegawai terlibat atau mengajukan pertanyaan melalui e-mel.

"Bagi permohonan permit penghantar makanan pula yang tidak boleh dipohon melalui atas talian, mereka boleh menghubungi pegawai bertugas untuk urusan mengambil borang permohonan atau menghantar semula permohonan," katanya.

Beliau berkata buat masa ini pihaknya akan menutup pejabat sehingga 3 Februari namun masih menunggu arahan terkini yang akan diberitahu kelak.

“Ini kerana pemantauan akan dibuat setiap hari dan nasihat dari Pusat Kesihatan Daerah (PKD) serta arahan daripada YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato’ Sri Dr. Salehuddin Ishak dari semasa ke semasa akan dipatuhi bagi pembukaan semula operasi MPK,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

(LIPUTAN BERGAMBAR)

